

Mempelajari Warisan *Budaya Melayu*

DALAM USAHA KITA UNTUK MEWARISI DAN MEMARTABATKAN WARISAN PERADABAN MELAYU YANG BERBUDAYA TINGGI, BERMULA DENGAN PROSES DAN PERJALANAN HIDUP MELALUI IBU BAPA DAN KELUARGA SEJAK DARI KECIL. KITA WAJAR MEMPERKENALKAN KEPADA ANAK-ANAK TENTANG WARISAN BUDAYA MELAYU YANG HIDUP PENUH BERADAB DAN BERSOPAN SEJAK DILAHIRKAN. PENGALAMAN INI MENJADI BEKALAN HIDUP YANG SANGAT ISTIMEWA SEBAGAI ANAK JATI MELAYU.



Pasukan Bola Sepak Melayu Bandar Hilir, Melaka pada tahun 1925.

Kita sewajarnya memperkenalkan warisan budaya Melayu yang beradab dan bersopan melalui amalan dan contoh tauladan kepada anak-anak sejak dari kecil lagi. Semuanya ini diperkenalkan dengan pelbagai cara, antaranya termasuklah mendidik dan sering mengingatkan agar menghormati orang yang lebih tua melalui percakapan dan tingkah laku yang penuh dengan sikap adab dan bersopan santun sebagai orang Melayu. Hal ini merupakan asas warisan budaya Melayu dan sangat tinggi nilainya dalam mewarisi peradaban Melayu yang berpaksikan kepada ajaran Islam.

Usaha memperkenalkan warisan budaya Melayu yang murni ini bermula dengan berteraskan kelakuan dan amalan yang murni, seperti tidak bercakap kasar dan menengking, menunjukkan contoh yang baik, seperti mengucapkan

terima kasih kepada yang berjasa, mengucapkan salam, saling menghormati sesama manusia, terutama orang yang lebih tua, berbudi bahasa, berpakaian sopan yang sedap mata memandang, tegur menegur untuk kebaikan, meminta maaf, bekerja kuat, bergotong-royong dan sebagainya.

Ibu bapa atau penjaga juga seharusnya menunjukkan contoh sikap tidak membazir, membuat sesuatu berdasarkan kemampuan dan tidak terikut-ikut gaya hidup orang lain, terutamanya golongan yang berada, dan kawal anak-anak daripada perbuatan yang melekakan atau melalaikan. Yang pentingnya, kita sewajarnya menanamkan semangat bekerja kuat demi menuju kejayaan, seperti melatih diri untuk menabung, memahami kemampuan ibu bapa atau keluarga, berdaya saing dan memiliki daya cipta atau inovasi sejak kecil lagi.

Usaha mendidik dan mengajarkan anak-anak tentang nilai kesopanan dan berhemah perlu melalui contoh tauladan yang baik. Sekiranya kita merokok, pastikan kita tidak merokok di hadapan anak-anak. Jika kita bertengkar, kita juga seharusnya tidak melakukannya di hadapan anak-anak. Sebaliknya, kita seharusnya mendidik anak-anak tentang sikap bersyukur dengan kemampuan dan keadaan hidup kita, yang sebenarnya tidak sama seperti orang lain. Yang penting, kita menjalankan tanggungjawab dan berusaha dengan gigih demi kehidupan anak-anak.

Sejak kecil lagi, saya dilatih dan mengerti bahawa kami sekeluarga merupakan golongan yang "cukup makan" dan ibu bapa tidak mampu melayan kehendak anak-anak seperti orang berada. Manakala bagi ibu bapa yang berkemampuan pula, jangan terlalu melayan kehendak



Ahli kariah Masjid Bandar Hilir, Melaka pada tahun 1960-an.

Syukur kepada Allah SWT, kami datang daripada keluarga yang “cukup makan”. Ibu bapa saya sangat cermat dalam berbelanja dan berjimat agar anak-anak dapat mengerti bahawa kami bukan daripada keluarga yang berharta.

anak-anak dengan melampau sehingga mengamalkan sikap membazir.

Syukur kepada Allah SWT, kami datang daripada keluarga yang “cukup makan”. Ibu bapa saya sangat cermat dalam berbelanja dan berjimat agar anak-anak dapat mengerti bahawa kami bukan daripada keluarga yang berharta. Ibu bapa saya menunjukkan sikap bekerja keras untuk mendapatkan wang secara halal dengan membuat kerja sampingan bagi menambahkan pendapatan dan menyara kehidupan di bandar Melaka, seperti berniaga kuih, menjahit baju dan sebagainya.

Kami sekeluarga dididik dengan menjalankan kehidupan yang sederhana. Hal ini disebabkan oleh bapa saya bergaji kecil dan terpaksa menanggung anak-anak yang bersekolah, seramai enam orang. Hanya dua abang saya, Hassan dan Adam, dihantar ke sekolah Inggeris

di Bandar Hilir, iaitu Sekolah Tinggi Melaka, yang perlu dibayar yuran persekolahan secara bulanan. Manakala abang saya, Idris, dan saya serta dua adik-beradik yang lain dihantar ke Sekolah Kebangsaan Ujung Pasir yang tidak dikenakan yuran bulanan. Kami terpaksa berjalan kaki ke sekolah setiap hari sejauh lima kilometer dari rumah kami ke Ujung Pasir.

Saya sungguh rapat dengan nenek, Fatimah, dan datuk, Nasir, sebagai ketua kampung yang digelar sebagai Sidang. Nenek saya di sebelah ibu berasal daripada keluarga yang agak berada di sekitar masjid Kampung Hulu, Melaka. Beliau berwatak lemah lembut, tetapi tegas mendidik anak-anak dan cucunya bagi menjadikan cucunya seorang yang bertanggungjawab. Kasih sayangnya ditunjukkan dengan didikan yang berhemah, beradab dan bersopan santun. Beliau tidak membenarkan saya pergi ke tepi laut dan bermandi-manda kerana takut dihanyutkan air di laut. Hal ini menyebabkan hingga sekarang saya tidak pandai berenang walaupun rumah kami berhampiran laut di Selat Melaka.

Walaupun tidak menerima pendidikan di sekolah, tetapi

beliau pandai berpantun dan berpepatah petitih, serta sopan santun orangnya. Datuk Nasir pula pandai bersilat dan orangnya lemah lembut dan menunjukkan kasih sayang kepada cucunya dengan belaian kasih. Datuk Nasir pula sempat bersekolah sehingga darjah lima, dan pernah ditawarkan melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim. Walau bagaimanapun, hasrat itu dihalang neneknya kerana beliau merupakan cucu tunggal dan tidak sanggup tinggal berjauhan. Akhirnya, datuk saya hidup bekerja sendiri dan pernah bekerja sebagai buruh kasar di Pelabuhan Sungai Melaka, seterusnya dipilih menjadi Sidang di Bandar Hilir.

Walaupun tidak berpeluang melanjutkan pengajian peringkat tinggi, beliau merupakan anak muda yang aktif bersukan dan mewakili kumpulan bola sepak kelab Melayu di Bandar Hilir pada tahun 1930-an dan menjadi guru silat yang dihormati. Beliau mempunyai perwatakan yang lemah lembut dan penyayang dengan cucu-cucunya dan anak bongsunya, Ahmad, yang amat disayanginya.

Walaupun saya tidak mendalami ilmu persilatan, tetapi pendedahan dan latar belakang



Silat membentuk keperibadian dan jati diri masyarakat Melayu.

keluarga datuk yang mewarisi ilmu persilatan membuatkan saya tetap meneruskan perjuangan ini dengan bergiat dan menjayakan beberapa program berkaitan silat Melayu. Hal ini dapat dilihat dengan usaha mempopularkan Silat Hang Tuah ketika menjadi Pengerusi Institut Seni Malaysia, Melaka (ISMMA) yang dipimpin oleh Tuan Haji Mokhtar. Beliau merupakan bekas guru silat Melaka dan dunia yang terkenal dan menerima pendidikan ilmu persilatan daripada Cikgu Ariffin dari Limbongan, Melaka, yang pernah berguru dengan datuk saya.

Ibu saya, Eisah, disayangi oleh neneknya yang mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Ujung Pasir bersama-sama bapa saya, Abu Bakar, sehingga darjah lima. Beliau layak dan dipilih menjadi jururawat, tetapi dihalang oleh neneknya yang tidak mahu cucu kesayangannya bekerja dan hanya menjadi suri rumah yang setia. Ibu saya turut menjadi guru di rumah dengan mengajar saya membaca, menulis dan mengira, serta belajar muqaddam, sebelum dihantar kepada Cikgu Ani, guru muqaddam dan al-Quran.

Di sinilah saya dididik dengan penuh kesopanan dan beradab sebagai persediaan menjadi insan yang berilmu dan mewarisi peradaban Melayu yang beraras tinggi. Hal ini dapat membentuk diri yang penuh dengan sikap sopan santun, berbudi bahasa, hidup berjasa dan membalas budi. Bapa pula lebih menumpukan usaha mencari nafkah yang turut dibantu oleh ibu dengan menjual kuih dan menjahit baju. Pengalaman ini membantu saya mempelajari ilmu dan mengamalkannya dalam kehidupan hari ini demi mewarisi budaya Melayu yang berbudi dan

membalas budi, serta berjasa demi kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat.

Sebagai anak lelaki, saya dididik agar bertanggungjawab menjaga kebersihan di luar rumah dengan menjaga kebersihan dan keindahan di halaman rumah dengan menyiram pokok dan menyapu sampah. Di samping bertugas di luar rumah, saya juga dididik membasuh pinggan selepas makan, tidak boleh bercakap semasa makan dan menjaga tata tertib dengan duduk bersila apabila menghadap rezeki.

Pengalaman menerima pendidikan secara formal di Sekolah Kebangsaan Ujung Pasir amat membantu saya sebagai persediaan menjadi anak muda yang mewarisi nilai hidup yang berbudaya tinggi, penuh dengan sikap bersopan santun, berbudi bahasa, rajin bekerja dan bercita-cita melanjutkan pengajian pada peringkat tertinggi untuk menjalani kehidupan yang lebih selesa dan maju jaya.

Pengalaman semasa di Sekolah Kebangsaan Ujung Pasir amat berkesan untuk menjadi anak Melayu yang mewarisi budaya Melayu bernilai tinggi. Saya sempat berguru dengan Cikgu Naim, Cikgu Siti, Cikgu Bahari, Cikgu Zaleha yang berhempas pulas mendidik saya menjadi insan dan anak Melayu yang berbudaya tinggi. Sejak darjah satu sehingga darjah tiga, saya berpeluang belajar menulis di papan batu dan kalam yang mudah dipadamkan, seterusnya belajar menulis di kertas dengan pen dan pensel, bermula darjah lima.

Saya sungguh bersyukur dan berterima kasih kepada guru-guru yang mendidik kami dan mempunyai guru besar yang digelar sebagai Cikgu Mat Dagu. Bagi saya,

Walaupun saya tidak mendalami ilmu persilatan, tetapi pendedahan dan latar belakang keluarga datuk yang mewarisi ilmu persilatan membuatkan saya tetap meneruskan perjuangan ini dengan bergiat dan menjayakan beberapa program berkaitan silat Melayu. Hal ini dapat dilihat dengan usaha mempopularkan Silat Hang Tuah ketika menjadi Pengerusi Institut Seni Malaysia, Melaka (ISMMA) yang dipimpin oleh Tuan Haji Mokhtar.

pengalaman di Sekolah Kebangsaan Ujung Pasir merupakan asas penting untuk persediaan menjadi insan yang berjiwa dan mewarisi peradaban Melayu yang berbudaya tinggi. Dengan latihan dan didikan secara berterusan, saya menjadi anak Melayu yang bersopan santun, berbudi bahasa, saling menghormati dan bercita-cita tinggi untuk menuju kejayaan. Semoga Allah mencucuri rahmat dan meletakkan guru kami di syurga dalam kalangan insan yang beriman. ^{DB}